

# **KONSEP SALVATION MENURUT AGAMA KRISTIAN: SATU HURAIAN AWAL**

Oleh

Khadijah binti Mohd Hambali @ Khambali\*

## **Abstract**

*The Christianity especially the Catholic Church believes that the relationship between God and human beings was greatly affected by the Fall. The very roots of human nature were damaged by the sin of the first parents i.e. Adam and Eve. Left to the own devices, the man is helpless. Catholic believes, however, that they have been saved from the consequences of sin by the death of Jesus on calvary and by his resurrection from the dead. God's forgiveness is now freely available to all those who believe in Christ. Those who respond to this offer of salvation are the "redeemed" - those "bought back" from the slavery of sin. To know more about that topic, this article tries to emphasize the concept of the salvation in Christianity especially in Catholic Church's belief.*

## **PENDAHULUAN**

Istilah *salvation* seringkali dikaitkan dengan matlamat utama masyarakat Kristian untuk terus kekal dalam ajaran Jesus Christ dan hidup dalam kemuliaan naungan Tuhan. Untuk mencapai tujuan tersebut, masyarakat Kristian perlu menghayati pengertian dan kepentingan *salvation*. Ia juga sering dihubungkan dengan beberapa istilah utama dalam kepercayaan beragama di kalangan masyarakat Kristian dan khususnya Katholik. Antaranya *original sins, incarnation, redemption, resurrection, conciliation, sanctification, cross* yang sering dirujuk kepada Jesus Christ sebagai *saviour* yang bertanggungjawab untuk perlaksanaan *salvation*.

Persoalan *salvation* ini turut ditekankan oleh gospel dan dianggap sebagai mesej utama dalam Bible kepada setiap penganut Kristian. Ini kerana tanpa *salvation*, kehidupan masyarakat Kristian tidak bererti. Oleh itu, kertas ini cuba memaparkan konsep *salvation* menurut kepercayaan agama Kristian khususnya Katholik untuk memahami lebih lanjut matlamat kehidupan masyarakat Kristian.

## **ISTILAH SALVATION**

Terdapat pelbagai pengertian yang merujuk kepada istilah *salvation*. Keseluruhannya

---

\* Pensyarah di Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

berkait rapat dengan persoalan keselamatan melalui kaedah tertentu. Selain daripada itu, ia turut memberi erti keselamatan yang diperolehi melalui pengorbanan sama ada oleh pihak lain atau diri individu terbabit. Pendekata, istilah ini memberi ruang yang luas untuk dibahaskan dalam usaha memahami maksud keselamatan yang dikaitkan dengan kepercayaan agama Kristian.

Istilah *salvation* yang diambil daripada bahasa Itali, *salva* membawa maksud tindakan menyelamat dan memelihara daripada kebinasaan, bahaya atau kecelakaan.<sup>1</sup> Ia juga dikatakan berasal daripada bahasa Perancis Lama *salvare*, *salvatio* yang dipinjam oleh bahasa Inggeris Pertengahan membawa erti untuk menyelamat....<sup>2</sup> Manakala menurut bahasa Greek, *salvation* disebut sebagai *soteriology* yang membawa maksud yang sama.<sup>3</sup>

Bertitik-tolak daripada pengertian tersebut, para teologi Kristian meletakkan *salvation* adalah satu istilah yang mengungkapkan satu tujuan untuk menyelamatkan kehidupan individu Kristian khususnya selepas kematian daripada tanggungan segala dosa dan hukuman di atas dosa tersebut. Untuk mencernakan hasrat tersebut tercapai, Jesus Christ telah terpilih sebagai *saviour* iaitu penyelamat dan penebus dosa melalui pensaliban. Ini adalah metod terbaik untuk menyempurnakan tujuan keselamatan dalam agama Kristian.

### ISTILAH SALVATION DALAM BIBLE

Istilah ini merupakan di antara perkataan yang kerap diulang oleh Bible sama ada dalam Bible Old Testament atau New Testament yang merujuk kepada berbagai maksud. Walaupun pengertiannya berbeza daripada maksud istilah *salvation* yang ditekankan oleh agama Kristian, namun ia tetap dijuruskan sebagai elemen ke arah keselamatan melalui penebusan Jesus Christ.

Istilah *salvation* ini diungkapkan sebanyak 113 tempat dalam Bible Old Testament versi King James yang membawa berbagai maksud. Hanya 3 istilah iaitu *inosa at*, *yesa* dan *tesu'ah*<sup>4</sup> yang merujuk kepada maksud *salvation* sepertimana yang dipercayai oleh agama Kristian. Manakala dalam Old Testament versi Hebrew menyebut istilah *yesa* yang bermaksud *salvation* sebanyak 64 kali. Pada asasnya, istilah ini memberi maksud membawa satu keadaan yang luas dan longgar.<sup>5</sup> Apabila ia dikaitkan dengan maksud *salvation* ia memberi impak bahawa melalui keselamatan,

<sup>1</sup> The English Language Institute of America, *The Lexicon Webster Dictionary*, America, 1978, jil.II, di bawah perkataan *salva*.

<sup>2</sup> William Morris (ed.), *The American Heritage Dictionary of the English Language*, Boston: Houghton Mifflin Company, 1981, di bawah perkataan *salvare*.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> H.D. MacDonald, *Salvation*, Illinois, 1982, hal. 11.

<sup>5</sup> *The Illustrated Bible Dictionary*, jil. 3, di bawah perkataan *yesa*.

## Konsep *Salvation* Menurut Agama Kristian: Satu Huraian Awal

hidup setiap penganut adalah bebas dan longgar daripada hukuman dosa. Ini bererti naungan Tuhan ke atas individu Kristian semakin luas.

Old Testament versi Inggeris turut mengungkapkan istilah *salvation* yang memberi pelbagai maksud. Antaranya seperti di dalam **Isaiah 38:20** memberi erti selamat daripada penyakit, **Jeremiah 11P4:8** membawa erti selamat daripada masalah, **Psalms 51:14** membawa maksud selamat daripada dosa dan **2 Samuel 3:18** merujuk kepada selamat daripada musuh.

Intipati daripada persoalan selamat yang ditonjolkan melalui mesej Bible Old Testament ini adalah keselamatan Bani Israel daripada perhambaan masyarakat Mesir. Bertitik-tolak daripada penyelamatan oleh Tuhan melalui usaha para utusan-Nya telah membawa tertegaknya bangsa bani Israel dan agama Yahudi dengan begitu kukuh. Ini adalah soal keselamatan yang perlu ditegakkan oleh bani Israel seterusnya melalui ikatan perjanjian keimanan terhadap ajaran Jesus. Justeru, keselamatan kehidupan selepas mati ditekankan dalam kepercayaan agama Kristian melalui pengorbanan Jesus demi melepaskan tanggungan hukuman dosa para penganutnya.<sup>6</sup>

The New Testament turut merakamkan istilah *salvation* yang lebih menjurus ke arah perolehan keamanan daripada Tuhan dan sekaligus memulihkan spiritual setiap individu melalui Jesus Christ.<sup>7</sup>

Berasaskan penjelasan di dalam Bible Old Testament dan New Testament memperlihatkan bahawa *salvation* adalah satu cara menempatkan diri di dalam naungan Tuhan melalui pengorbanan Jesus yang merungkaikan hukuman dosa daripada setiap individu Kristian dan membuka ruang yang luas ke arah kesempurnaan jiwa dan ketaatan yang kukuh kepada Tuhan selagaimana ia meyakini pengorbanan dan ajaran Jesus.

### **SALVATION DAN ORIGINAL SINS**

Perkaitan antara *salvation* dan *original sins* adalah tekal. Ia membawa maksud bahawa *original sins* adalah titik tolak kepada *salvation*. Hidup dan jiwa manusia adalah bersih dan suci sehinggalah kegagalan manusia pertama dalam misinya yang mengakibatkan dosa dan meletakkan setiap manusia berada dalam kematian yang menyakitkan.

Berbeza dengan dosa yang dilakukan oleh setiap individu tidak memberi sebarang kesan dan impak. Oleh itu, tidak timbul persoalan *salvation* dan pengorbanan Jesus untuk memastikan individu itu memperolehi naungan Tuhan.

Atas asas ini, agama Kristian turut memecahkan *sins* atau dosa kepada dua kategori iaitu *actual sins* yang dilakukan oleh individu sama ada melalui perbuatan, tindakan, perkataan atau pemikiran<sup>8</sup> yang tidak memberi sebarang impak dan kesan ke

<sup>6</sup> Sifrid Estborn, *The Christian Doctrine of Salvation*, The Christian Society, 1958, hal. 5

<sup>7</sup> Sila rujuk *Romans 3: 22-24*.

atas pelaku dan *original sins* yang merujuk secara langsung kepada perbuatan Adam dan Eve yang telah melanggar perintah Tuhan di syurga. Akibatnya setiap manusia terpaksa menanggung kesan daripada dosa tersebut. Menurut Kristian penciptaan asal Tuhan adalah meletakkan Adam hidup selama-lamanya dan menjalinkan hubungan yang suci dengan-Nya.<sup>9</sup> Tetapi tujuan tersebut gagal disempurnakan Adam dan kesan dosa itu telah mengakibatkan hubungan suci itu terputus dan terpisah jauh daripada Tuhan. Kesan seterusnya Adam terpaksa menghadapi kematian fizikal yang meletakkan pemisahan tubuh dan roh.<sup>10</sup> Impak daripada dosa Adam ini turut mengakibatkan kematian fizikal dan spiritual ke atas manusia yang menyebabkannya terpisah jauh daripada Tuhan yang suci<sup>11</sup> dan kematian kali kedua mengheret manusia ke dalam neraka.<sup>12</sup> Perwarisan kesan dosa ini ke atas generasi manusia seterusnya meletakkannya turut dikenali sebagai *original sins*.<sup>13</sup> Ia adalah asas kepada ajaran para *apostle* atau penyampai ajaran Jesus dan Bible.<sup>14</sup>

Bertitik-tolak daripada keadaan tersebut, manusia memerlukan kehidupan baru untuk terus menjalinkan hubungan suci dengan Tuhan. Oleh itu atas sifat kasih sayang Tuhan telah mengutus *son of man* dan *son of god* iaitu Jesus untuk menebus segala bebanan dosa manusia melalui pensaliban diri walaupun ternyata Jesus tidak bersalah.<sup>15</sup>

## PENEBUSAN JESUS DAN SALVATION

Agama Kristian telah meletakkan *incarnation*, kematian dan kebangkitan Jesus adalah langkah utama ke arah mencapai *salvation*.

Menurut kepercayaan Kristian, penebusan melalui pensaliban hanya layak dilakukan oleh Tuhan kerana ia suci dan ia sahaja berkuasa menghapuskan hukuman dosa. Ia juga perlulah terdiri daripada manusia yang suci kerana kesengsaraan kematian fizikal dan spiritual ini hanya dapat dirasai oleh manusia sahaja. Alasan-alasan ini telah meletakkan Jesus terpilih sebagai *redeemer* atau penebus kerana ia adalah *son of man* iaitu berketurunan daripada king David yang dilahirkan oleh *virgin*

<sup>8</sup> Anthony A. Hoekema, *Created in God's Image*, Grand Rapids: William B. Eerdmans, 1973, hal. 143.

<sup>9</sup> Lihat *Genesis 2:9*.

<sup>10</sup> Lihat *Genesis 3:19*.

<sup>11</sup> Phillip Edgumbe Hedges, *The True Image*, Grand Rapids: William B. Eerdmans Publishing Company, 1989, hal. 129.

<sup>12</sup> HL Willington, *Willington Guide to the Bible*, Illinois: Tyndale House, 1983, hal. 722 dan lihat *Matthew 7: 23*.

<sup>13</sup> Lihat *Romans 5:12*.

<sup>14</sup> Charles Hedges, *Systematic Theology*, Grand Rapids: William B. Eerdmans Publishing Company, 1982, hal. 233.

<sup>15</sup> Lihat *John 3:16*.

Mary dan *son of god* kerana dijadikan daripada zat Tuhan.<sup>16</sup>

Pensaliban Jesus menunjukkan aliran darah dan cebisan daging dari tubuh badannya adalah pemangkin ke arah keeratan jalinan hubungan antara manusia dan Tuhan. Aliran darah tersebut menggambarkan *original sins* telah disucikan. Simbol ini dilaksanakan dalam upacara *mass* yang meletakkan darah dan daging Jesus melalui perahan anggur dan roti yang dibahagi sama rata untuk menjuruskan setiap penganut agar berterusan menjiwai ajaran Jesus.<sup>17</sup>

Kebangkitan Jesus selepas tiga hari pengkebumiannya adalah agenda terakhir memperlihatkan *salvation* dicapai dan Tuhan menerima korban diri Jesus dan perdamaian manusia. Kebangkitan itu turut membawa maksud bahawa manusia telah bebas daripada dosa warisan dan bangkit menuju kehidupan yang lebih baik dan suci dalam naungan Tuhan.<sup>18</sup> Ia turut menggambarkan bahawa *redemption*<sup>19</sup> dan *atone-ment*<sup>20</sup> tercapai.

## KEPENTINGAN DAN TUJUAN *SALVATION*

Untuk terus memastikan *salvation* ini dapat dikehapi oleh setiap penganut Kristian, agama ini turut menggariskan beberapa tujuan utama *salvation*. Di antara tujuan utamanya adalah untuk memperlihatkan kasih sayang Tuhan yang kekal dan tekal kepada hamba-hamba-Nya. Limpahan kasih sayang-Nya ini dicernakan melalui pengurniaan *son of god* dan *son of man* iaitu Jesus Christ sebagai penyempurna kasih

<sup>16</sup> Lihat *John 10:17-18, Matthew 20:18, John 10:30, Colossians 1:15, 2 Corinthians 4:4, Hebrews 4:15*.

<sup>17</sup> Untuk memahaminya lebih lanjut, sila lihat Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali, *Konsep Triniti Menurut Agama Kristian*, Universiti Malaya: Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, 1999, hal. 77 dan *Perayaan-perayaan Agama Kristian*, Universiti Malaya: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, 1999, hal. 23.

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> *Redemption* bermaksud menebus dosa seseorang untuk memberi kembali kehidupan. Apabila dikaitkan dengan penebusan Jesus ia menggambarkan bahawa kematian dan kebangkitan Jesus selepas pensaliban telah membayar harga dosa para penganut Kristian. Walaupun penganut Kristian cuba menghapuskan *original sins* namun gagal kerana tidak berkelayakan seperti Jesus. Pensaliban Jesus telah membebaskan para penganut Kristian seperti bebasnya bani Israel daripada perhambaan masyarakat Mesir dan seterusnya dapat menegakkan agama Yahudi. Ia turut memberi gambaran bahawa masyarakat Kristian kini adalah milik Tuhan. Lihat Pat Alexander, *The Lion Encyclopedia of the Bible*, di bawah perkataan *redemption*, *redeemer*.

<sup>20</sup> *Atonement* berasal daripada bahasa Anglo-Saxon *at one* atau *a making at one*. Ia bererti proses ke arah mengembalikan hubungan seseorang yang telah renggang dan jauh terpisah kepada sediakala. Apabila dikaitkan dengan praktikal Jesus, ia bermaksud pensaliban Jesus telah menjadikan hubungan manusia yang berdosa dengan Tuhan telah dijalankan dengan harmoni. Praktikal ini turut dikenali sebagai *expiation*. Sila lihat *The Illustrated Bible Dictionary*, England: Inter-varsity Press, 1980, di bawah perkataan *atonement*.

sayang tersebut.<sup>21</sup>

Selain daripada penonjolan kasih sayang Tuhan, ia bertujuan untuk memperlihatkan sifat kemaafan Tuhan yang tekal kepada para hamba-Nya.<sup>22</sup> Keampunan ini diperolehi melalui pengorbanan Jesus Christ yang dipersembahkan oleh *Holy Spirit* kepada Tuhan. Ia memberi erti bahawa jalinan antara Tuhan, Jesus Christ dan *Holy Spirit* (triniti) adalah terserlah demi memberi rahmat dan naungan cahaya kepada setiap individu Kristian.

Di samping itu, *salvation* ini turut menekankan kepada setiap individu agar menampilkan imej Tuhan yang sempurna dalam kehidupan mereka dengan melakukan kerja-kerja kebaikan untuk individu lain kerana ia mencernakan imej Tuhan yang penyayang, suci dan kudus.<sup>23</sup>

Keyakinan kepada Jesus adalah penting kerana Tuhan telah mengurniakan kesucian spiritual milik-Nya ke dalam hati manusia menerusi Jesus. Oleh itu, manusia telah suci dan Tuhan menerima mereka untuk bersatu dengan-Nya yang disebut sebagai *justification*. Ini seterusnya membawa manusia sebagai sebahagian daripada Tuhan. Praktikal ini dikenali sebagai *sanctification* atau pengkudusan yang dicapai melalui pengorbanan Jesus di tiang salib. Manakala *Holy Spirit* membantu mempastikan setiap individu Kristian agar terus berada dalam ajaran Jesus melalui kurniaan keyakinan terhadap ajarannya. Hanya dengan cara sedemikian setiap individu Kristian dapat menikmati kehidupan yang abadi atau *eternal life* dan tidak akan binasa selama-lamanya dan terus hidup bersama Jesus di dalam kerajaan Tuhan yang awalnya di dunia dan akhirnya nanti yang kekal abadi di akhirat.<sup>24</sup>

Tuhan turut menjanjikan kepada setiap individu yang meyakini pengorbanan Jesus kehidupan yang tekal dan abadi di dalam syurga Tuhan atau *external abode* setelah kematian mereka demi untuk menemui Tuhan.<sup>25</sup> Ia merupakan tempat tinggal yang abadi kerana setiap individu Kristian akan berkhidmat kepada Jesus dan Tuhan.

## ULASAN

Berasaskan perbincangan-perbincangan tersebut di atas memperlihatkan bahawa *salvation* hanya dapat diraih melalui pemahaman dan perlaksanaan yang mendalam terhadap segala konsep *salvation* sepertimana yang digariskan oleh agama Kristian. Ia tidak hanya melalui keyakinan terhadap pengorbanan Jesus semata tetapi yang lebih utama adalah perlaksanaan dan penceraaan terhadap keyakinan tersebut. Pastinya ia

<sup>21</sup> Charles C. Ryrie, *Basic Theology*, hal. 277.

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> Sila rujuk Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali, "Konsep Penciptaan Manusia Menurut Bible: Satu Huraihan Awal", *Jurnal Fikrah*, jil. 2, Unit Pendidikan Islam, UiTM, 1999.

<sup>24</sup> John 10:28, Romans 6:23.

<sup>25</sup> 2 Corinthians 5:1.

perlu memenuhi tuntutan dan falsafah ajaran agama Kristian yang menekankan konsep hubungan suci di antara manusia dan Tuhan yang terbina kembali melalui Jesus. Ia memperlihatkan bahawa manusia dan Tuhan sentiasa saling perlu memerlukan untuk jaminan kehidupan yang kekal dan tekal di kerajaan Tuhan kelak.

Hal sedemikian memperlihatkan bahawa Tuhan tidak memiliki kekuasaan mutlak untuk memberi keampunan dosa kepada hamba-hamba-Nya yang bersalah sehingga terpaksa menantikan *son of God* dan *man of God* melakukannya. Jalinan peristiwa yang dilalui bermula daripada penciptaan Adam dan Eve adalah pemangkin ke arah pengorbanan Jesus. Ini turut menonjolkan bahawa Adam dan Eve seolah-olahnya dicipta hanya untuk memperjelaskan lagi kedudukan Jesus sebagai *redeemer* dan menafikan bahawa penciptaan mereka berdua adalah sebagai khalifah dan hamba Allah yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan alam dan memakmurkannya.

Selain daripada itu, di antara tujuan dan kepentingan *salvation* adalah meletakkan dan menjadikan manusia adalah suci dan kudus kerana ia memiliki spiritual Tuhan melalui Jesus. Oleh itu, manusia adalah sebahagian daripada Tuhan. Atas sifat manusia sedemikian, pastilah ianya tidak memiliki kecenderungan untuk melakukan dosa atau disebut *actual sins*. Ia turut menghapuskan segala kesan dan akibat daripada dorongan hawa nafsu kerana manusia telah suci dan kudus. Walaupun terdapat dakwaan daripada agama Kristian bahawa *actual sins* berlaku adalah akibat kesan daripada perbuatan Adam dan Eve yang memberi dorongan kepada manusia untuk melakukan dosa tetapi tidak memberi sebarang impak kepada pelakunya. Sekiranya, kepercayaan tersebut absah sekalipun, ia telah terhapus melalui pengorbanan Jesus yang dikatakan sebagai penghubung kepada hubungan suci di antara manusia dan Tuhan. Oleh itu, tidak timbul kecenderungan manusia melakukan dosa atau jenayah kerana mereka adalah suci, kudus dan sebahagian daripada spiritual Tuhan. Namun, apabila ditelusuri perkara ini secara mendalam, didapati bahawa para pemimpin gereja turut berperanan mengharmonikan kembali hubungan manusia yang berdosa kepada Tuhan. Praktikal ini turut menafikan keyakinan agama Kristian yang meletakkan *actual sins* tidak memberi sebarang kompolisi terhadap pelakunya tetapi masih berterusan memerlukan perkhidmatan pengampunan dosa melalui pihak pimpinan gereja. Ini memperlihatkan bahawa segala pengorbanan Jesus masih belum dapat menepati *justification* dan *sanc-tification* yang diyakini oleh agama Kristian dan sekaligus bererti segala pengorbanan Jesus adalah sia-sia sahaja.

Di samping itu juga, terdapat satu bentuk pertentangan di antara ajaran Jesus dengan kepercayaan Katholik khususnya dalam soal perwarisan dosa. Menurut ajaran Jesus di dalam *Gospel Matthew 19:14*, *Gospel Mark 10: 14-15* dan *Gospel Luke 18: 16-17* menyebut: “Let the little children come to me, and do not hinder them, for the kingdom of heaven belongs to such of these”. Keterangan ini jelas memperlihatkan bahawa tidak berlaku perwarisan dosa akibat kesalahan Adam dan Eve. Ini bererti keyakinan Kristian yang meletakkan bahawa manusia mewarisi kesan dosa Adam dan

Eve semenjak dilahirkan adalah bertentangan dengan ajaran Jesus. Justeru tidak timbul soal keyakinan terhadap pengorbanan Jesus sebagai satu bentuk jaminan ke arah *salvation*. Apatah lagi setiap individu Kristian masih berterusan digalakkan agar memohon keampunan melalui pihak pimpinan gereja kepada Tuhan. Sewajarnya, perkara ini tidak lagi berlaku seandainya keyakinan terhadap pengorbanan Jesus dan pencernaan pemahaman tersebut melalui penonjolan ke arah perlaksanaan segala tuntutan dan falsafah agama Kristian telah ditunaikan.

Kelahiran dan kematian yang dilalui manusia dan makhluk Allah adalah fitrah alam yang wajar diterima. Ia tidak berkait sama sekali dengan akibat dan kesan dosa yang dilakukan oleh Adam dan Hawa. Kesalahan tidak dapat dielakkan daripada dilakukan setiap makhluk Allah kerana ia juga adalah satu fitrah. Manusia tidak dapat mlarikan diri daripada melakukan kesalahan kerana wujudnya kelalaian diri akibat hawa nafsu mengatasi akal fikiran. Bukan disebabkan kesan daripada kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Hawa. Peristiwa yang dilalui oleh Adam dan Hawa adalah sebagai i'tibar kepada manusia agar berhati-hati dengan segala pujuhan syaitan yang sentiasa cuba berusaha mengheret manusia sebagai rakan di akhirat nanti. Soal dosa dan kesalahan Adam dan Hawa tidak timbul kerana Allah telah mengampunkannya. Ia juga tidak ada kaitan dengan turunnya Adam dan Hawa ke dunia akibat daripada kesalahan mereka. Ini kerana tujuan dan matlamat penciptaan manusia adalah untuk membangunkan dan memakmurkan alam. Alam adalah medan perjuangan dan ujian manusia sebagai khalifah dan hamba Allah. Ia hanya sebagai transit sementara dan medan pelaburan saham setiap manusia sebelum menuju ke alam yang kekal abadi.

Berasaskan penjelasan-penjelasan tersebut, ternyata bahawa *salvation* bukanlah satu jaminan mutlak ke arah mencapai kerahmatan Tuhan di kerajaan-Nya kelak. Ini kerana terdapat beberapa pertentangan dalam keyakinan dan praktikal agama Kristian. Pastinya ia berkaitan dengan tujuan asal pengasas agama Kristian kini St. Paul yang berdaya usaha meletakkan agama Kristian sebagai agama yang bersifat universal dengan adunan dan garapan daripada pelbagai unsur ajaran dan falsafah agama-agama lama, agama Pagan, falsafah Yunani dan Greek untuk menyesuaikannya dengan anutan kepercayaan masyarakat waktu itu.<sup>26</sup> Ini kerana soal keselamatan melalui pengorbanan manusia adalah ajaran agama-agama Pagan.<sup>27</sup> Konsep keselamatan yang sebenar adalah keselamatan dunia dan akhirat melalui perlaksanaan ajaran dan tuntutan agama yang mendasari kepelbagaian aspek kehidupan manusia dan membimbingnya ke arah keredaan Allah.

<sup>26</sup> Untuk memahaminya lebih lanjut, sila lihat Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali, *Konsep Triniti Menurut Kristian*, hal. 63, 66-79 dan 208.

<sup>27</sup> Sila lihat Baharuddin bin Malek, "Doktrin Dosa Warisan Agama Kristian Menurut Perspektif Mazhab Roman Katholik", Disertasi Master, Akademi Pengajian Islam, 1999 (telah dibentangkan dalam Seminar Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 24 April 1999).